

PENGARUH SIKAP PELAJAR DAN PENGAJARAN GURU TERHADAP PENGUASAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PPIB, UMS.

Noorafini Kassim, Dr. Saini Ag. Damit & Dr. Muhammad Suhaimi Taat

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

noorafini@ums.edu.my, saini@ums.edu.my, suhaimi@ums.edu.my

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian lapangan telah dilakukan terhadap 200 orang pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Instrumen yang digunakan ialah set ujian dan set soal selidik. Tahap kewajaran ujian dan soalan dinilai dan diperakukan oleh pakar akademik sebelum kajian dilaksanakan. Data yang dikumpul dianalisis secara Deskriptif dan Inferensi dengan melibatkan ujian T tidak bersandar, korelasi Pearson dan regresi berganda. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga mendapatkan bahawa sikap pelajar dan persepsi pelajar bagi pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi iaitu mencatatkan nilai skor min 3.66 dan 4.09. Selain itu, dapatan menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan responden lelaki dan perempuan bagi kedua-dua variabel sikap pelajar dan pengajaran guru. Dapatan kajian juga mendapatkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab, begitu juga dengan pengajaran guru dengan penguasaan bahasa Arab. Selain itu, analisis regresi mendapatkan bahawa pengajaran guru memberikan pengaruh yang besar iaitu sebanyak 48.1%, berbanding sikap pelajar iaitu 8.1% terhadap penguasaan bahasa Arab. Dapatan ini memberikan implikasi kepada pemantapan amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam meningkatkan sikap yang positif untuk menguasai bahasa Arab sekali gus memperkasakan pencapaian dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: Penguasaan Bahasa Arab, sikap pelajar, Pengajaran guru.

THE INFLUENCE OF STUDENTS ATTITUDE AND TEACHER'S TEACHING ON ARABIC LANGUAGE PROFICIENCY AMONG PPIB STUDENTS, UMS.

ABSTRACT

This study is aimed to see the influence of student attitude and teacher's teaching on Arabic language proficiency among students. In order to achieve this objective, a field study was conducted on 200 students taking Arabic language courses at the Center for Science and Language Studies, Universiti Malaysia Sabah (UMS). The instrument used is a set of tests and set of questionnaires. Levels of test and questions are evaluated and certified by academic specialists prior to the survey. The data collected were analyzed descriptively and inferred by involving independent t-test, Pearson correlation and multiple regressions. Overall, the findings show that the level of Arabic language proficiency of students is at moderate level. The findings also found that students' attitudes and students' perceptions of teachers' teaching were at a high level that recorded the mean score of 3.66 and 4.09. In addition, the findings explained that there is no significant difference between male and female respondents for both student attitude and teacher teaching variables. The findings also found that there was a significant correlation between the attitude of the students and the mastery of Arabic language, as well as the teaching of teachers with the mastery of Arabic language. In addition, the regression analysis found that teachers' teaching had a significant influence of 48.1%, compared to the student's attitude of 8.1% towards the mastery of Arabic language. This finding implies the strengthening of the practice of teaching among Arabic language teachers in enhancing positive attitudes among students thus mastering the Arabic language achievement.

Keywords: Arabic Proficiency, Student Attitude, Teacher's Teaching.

PENDAHULUAN

Pada hari ini, bahasa Arab terus mengalami perkembangan dan kemajuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran bahasa Arab ini mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Pendidikan yang dahulunya bersistem pondok beralih kepada sistem sekolah yang lebih kemas dan rapi serta memenuhi keperluan semasa. Sistem pendidikan ini ditadbir secara langsung oleh pihak-pihak kerajaan mahupun swasta. Bahasa Arab kemudianya dimasukkan secara rasmi dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia melalui Akta Pendidikan pada tahun 1996. Ia dimasukkan ke dalam kurikulum sebagai bahasa asing. Tambahan lagi, ianya kini diajar sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah sama ada peringkat rendah mahupun peringkat menengah.

Kenyataan ini disokong oleh Naimah Abdullah (2009) yang menyatakan bahawa bahasa Arab boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat. Peringkat yang terlibat ialah seperti peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Kini, pembelajaran bahasa Arab juga turut dihangatkan dan dijalankan di peringkat pengajian tinggi. Pada peringkat pengajian tinggi ini, kursus bahasa Arab lazimnya dijalankan oleh institut yang bertanggungjawab sama ada institut pengajian tinggi awam atau swasta. Kursus bahasa Arab ini terbahagi kepada peringkat-peringkat tertentu seperti peringkat ijazah, diploma mahupun peringkat sijil. Selain itu, ianya turut ditawarkan sebagai salah satu kursus elektif bahasa asing.

PENGUASAAN BAHASA ARAB

Bahasa Arab sebagai bahasa asing merupakan satu kursus yang ditawarkan di bawah Gugusan Bahasa Asing dan Tempatan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Kursus bahasa Arab ini mula diperkenal dan ditawarkan sejak tahun 1997 bersama kursus-kursus bahasa asing yang lain seperti bahasa Jepun, bahasa Sepanyol, bahasa Perancis, bahasa Korea dan sebagainya. Pada dasarnya, antara matlamat utama PPIB ditubuhkan adalah melahirkan graduan yang berketerampilan, berpengetahuan, berpandangan holistik dan boleh menghayati nilai-nilai murni sejagat serta bersemangat patriotik yang tulen.

Pada ketika ini, kursus bahasa Arab sebagai bahasa asing ditawarkan secara elektif kepada pelajar. Kursus ini mempunyai dua peringkat utama iaitu peringkat asas dan juga peringkat lanjutan. Mereka yang dibenarkan mengambil bahasa Arab di peringkat asas adalah pelajar yang tidak mempunyai asas atau latar belakang dalam pembelajaran bahasa Arab. Manakala peringkat lanjutan adalah bagi mereka yang pernah belajar bahasa Arab sehingga tingkatan lima semasa sekolah menengah. Pelajar adalah dikehendaki hadir ke kelas sebanyak tiga jam seminggu (3 jam kredit) bagi mengikuti kursus bahasa Arab ini.

Hakikatnya, pelbagai permasalahan timbul dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di PPIB. Didapati bahawa kebanyakan pelajar terutamanya yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab menghadapi berbagai-bagai kesukaran dalam menguasai kursus ini. Antara permasalahan yang sering timbul adalah mengenai isu isi kandungan pelajaran bahasa Arab yang sukar difahami walhal perkara ini merupakan perkara yang paling penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Masalah isi kandungan yang dimaksudkan antaranya dalam aspek sebutan dan bacaan, menulis dan menyambung huruf, kosa kata Arab dan banyak lagi. Mereka juga masih tidak begitu mahir dan sering menghadapi masalah dalam pembelajaran terutamanya dari segi tatabahasa Arab. Perkara ini disokong oleh Saini dan

Mohammad Seman (2010) yang menyatakan hal yang serupa. Kajian mereka mendapati bahawa pelajar-pelajar bahasa Arab di PPIB menghadapi kesukaran dalam pembelajaran terutamanya dalam bahagian tatabahasa, pembacaan dan penulisan. Kesukaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar membawa kepada persepsi negatif terhadap pembelajaran bahasa Arab. Mereka mengatakan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang sukar dipelajari dan dikuasai. Hal ini sedemikian kerana, dalam mempelajari sesuatu bahasa pelajar lazimnya kenal dan tahu perkataan yang dibaca, tetapi mereka tidak mampu untuk memahami isi kandungan pembacaan mereka (Gouin) dalam (Kern, 2000).

Selain itu, pelajar-pelajar juga mempunyai sikap negatif terhadap bahasa Arab. Mereka memiliki kepercayaan diri yang rendah dan kurang bermotivasi. Mereka tidak yakin bahawa mereka mampu menguasai bahasa Arab kerana ia merupakan bahasa yang susah. Mereka juga memberikan alasan tidak dapat mengingat dengan baik. Kepercayaan dan sikap seperti ini merupakan sesuatu yang tidak baik kerana ia akan mempengaruhi tahap penguasaan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Siti Sukainah (2014) merumuskan bahawa sikap yang positif, motivasi dan usaha menguasai bahasa sasaran merupakan elemen-elemen penting yang menentukan kejayaan pelajar bahasa. Zamri Ariffin (2014) juga menegaskan bahawa satu faktor utama yang menjadikan ramai pelajar ketinggalan atau gagal dalam pembelajaran bahasa Arab ialah sikap mereka terhadap bahasa Arab itu sendiri

Selain mempunyai masalah dari aspek sikap, sebahagian pelajar juga turut menghadapi masalah untuk mengikuti aktiviti pembelajaran dengan baik. Perkara ini disokong dengan dapatan Saini dan Mohammad Seman (2010) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa orang pelajar bahasa Arab di PPIB mempunyai kesukaran untuk mengikuti pengajaran yang disampaikan oleh guru. Pelajar mengatakan bahawa sukar untuk mengikuti pembelajaran tersebut disebabkan oleh guru yang menyampaikan isi pelajaran dengan cepat. Antara peranan seorang guru adalah menyampaikan ilmu pengetahuan dan memastikan pelajar dapat memperoleh perkara yang disampaikan tersebut. Perkara ini melibatkan pendekatan dan kaedah yang sesuai bagi memastikan keberkesanan aktiviti pengajaran yang dilaksanakan. Oleh yang demikian, guru bahasa Arab hendaklah memperkemaskan lagi amalan pengajaran mereka bagi menjamin keberhasilan dan kejayaan mata pelajaran bahasa Arab.

Atas sebab inilah, satu kajian perlu untuk dijalankan bagi meneliti sikap pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab dan amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru bahasa Arab. Dengan melihat aspek sikap pelajar dan pengajaran guru ini, dapatkan diharapkan mampu mencari wasilah bagaimana hendak membantu pelajar supaya dapat menguasai bahasa Arab dengan lebih telus dan bermakna. Kajian ini juga turut dibuat untuk mencari dan mengenal pasti faktor yang boleh mendorong kepada penguasaan bahasa Arab yang baik.

SIKAP PELAJAR

Sikap boleh didefinisikan sebagai perasaan, kecenderungan dan respons seseorang terhadap sesuatu perkara sama ada yang disukainya ataupun tidak. Sikap akan menjelaskan kerelaan dan kesanggupan seseorang dalam melakukan apa jua tindakan.

Rajecki (1989) dalam Abdul Muqsith (2013) menyenaraikan tiga komponen utama dalam sikap iaitu komponen afektif, perilaku dan kognisi berdasarkan ahli psikologi sosial. Komponen afektif melibatkan emosi positif dan negatif individu serta perasan individu terhadap sesuatu. Komponen perilaku merangkumi kehendak seseorang untuk bertindak pada tingkah laku tertentu berhubung dengan sikap kita. Manakala komponen kognisi adalah bersandarkan kepada pandangan, pemahaman, dan tanggapan seseorang akan perkara dan peristiwa tertentu. Kesemua komponen sikap ini saling berkaitan dan membantu membentuk dan memantapkan sikap individu.

Dalam kajian ini, penyelidik memberi fokus kepada sikap pelajar bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Sikap yang dikaji adalah merangkumi minat, motivasi, kendiri dan kepercayaan seseorang pelajar itu. Kesimpulannya, sikap dalam kajian adalah respons dan pendapat pelajar yang merangkumi aspek minat, motivasi dan kendiri pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa Asing.

PENGAJARAN GURU

Pengajaran menurut istilah pendidikan ialah suatu proses yang dirancang dan disusun sehingga memperlihatkan perubahan tingkah laku kepada murid ke arah yang baik dan cemerlang. (Ragbir Kaur, 2005). Pengajaran juga adalah proses menyebarkan ilmu dan kemahiran kepada murid yang melibatkan proses yang sangat terperinci iaitu aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian. Segala aktiviti yang dilakukan ini adalah untuk memastikan pelajar dapat memahami ilmu dan kemahiran yang disampaikan menggunakan kaedah yang berkesan.

Hakikatnya, pengajaran mempunyai pelbagai pengertian dan dapat dikategorikan kepada empat kategori, iaitu pengajaran sebagai proses untuk menyampaikan maklumat, memindahkan maklumat, mendorong pembelajaran dan membina manusia yang lebih baik (Wan Zah Wan Ali, 2000). Noriati (2012) meringkaskan pengajaran sebagai proses pembelajaran dan perkembangan sepanjang hayat yang melibatkan proses mendidik, merancang, membimbing, mengajar dan berkongsi kemahiran dan pengetahuan. Dengan ini, seseorang individu akan mampu menghadapi cabaran-cabaran peribadi mahupun cabaran profesional dalam kehidupan.

Dalam mencapai keberkesanannya dalam penguasaan bahasa Arab, aspek pengajaran guru tidak harus diabaikan. Terdapat banyak kajian yang mengatakan bahawa aspek pengajaran guru ini berperanan besar dalam menentukan kejayaan pembelajaran bahasa Arab. Sebagai contoh, Abdul Rahim dan Hayazi (2010) menegaskan bahawa guru perlu mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka sejajar dengan cabaran pendidikan masa kini dengan mendedahkan kepada pelajarnya dengan BBM yang mampu membantu kefahaman dan menolong pelajar ke arah pembelajaran yang lebih bermakna. Selain itu, Mastura Arshad (2012) juga mengatakan kepelbagaiannya strategi pengajaran bahasa Arab akan mampu meningkatkan kebolehan bahasa dalam kalangan pelajar.

Dalam pembelajaran bahasa Arab, aspek sikap pelajar dan pengajaran guru ini adalah perkara penting yang sering dikaitkan dengan kejayaan dan pencapaian pelajar. Perkara ini ada disebutkan oleh Mohd Fadzli Ismail (2012). Beliau mengatakan bahawa sikap pelajar merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam bahasa Arab selain faktor guru. Anida (2003) juga menyatakan bahawa kemahiran berbahasa boleh didapati apabila sikap dan minat pelajar terhadap bahasa Arab dapat ditingkatkan. Ghazali Yusri *et al.* (2010) menegaskan bahawa guru adalah individu yang sangat berpengaruh dalam menentukan kejayaan mahupun kegagalan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

Dalam kajian ini, pengajaran guru yang dimaksudkan boleh dibahagikan kepada dua aspek utama iaitu pengajaran di dalam bilik darjah dan pengajaran di luar bilik darjah. Perkara ini meliputi perkembangan proses pengajaran seperti permulaan pengajaran, penyampaian pengajaran dan penutup pengajaran yang dilaksanakan diakhiri dengan penilaian pengajaran. Selain itu, pengajaran di luar bilik darjah pula merangkumi pengajaran tidak formal yang diberikan oleh guru dan kesediaan guru untuk berbincang dan memberi bimbingan dan pengajaran yang berterusan. Kesimpulannya, pengajaran guru dalam kajian ini merujuk kepada segala amalan dan pelaksanaan pengajaran guru bahasa Arab secara menyeluruh.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap pelajar dan pengajaran guru dengan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian ini sekaligus akan mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Arab pelajar, tahap sikap pelajar bagi bahasa Arab dan persepsi pelajar bagi pengajaran guru bahasa Arab.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melihat pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab. Ini merupakan satu kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif yang mengguna pakai set soal selidik dan set ujian sebagai alat kajian. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab sebagai bahasa asing di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Sampel kajian ini melibatkan seramai 200 orang yang dipilih secara rawak mudah dari kalangan pelajar bahasa Arab bagi memberikan peluang secara adil kepada semua individu dalam pemilihan untuk menjadi sampel kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian secara umumnya menjelaskan bahawa tahap penguasaan pelajar bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS adalah baik dan sederhana. Dapatkan kajian yang diperoleh menjelaskan nilai min bagi tahap penguasaan pelajar bagi bahasa Arab berada pada tahap sederhana. Hampir kesemua pelajar mendapat gred A dan B, manakala hanya beberapa orang sahaja yang mendapat gred C. Hal ini memberikan gambaran bahawa para pelajar mempunyai kemampuan menguasai bahasa Arab dengan baik.

Daripada 200 orang jumlah pelajar bahasa Arab yang terlibat, seramai 52 orang iaitu sebanyak 26% mendapat gred A, seramai 39 orang bersamaan 19.5% mendapat gred A-, seramai 42 orang bersamaan 21% mendapat gred B+, seramai 27 orang bersamaan 13.5% mendapat gred B, seramai 23 orang bersamaan 11.5% mendapat gred B-, seramai 13 orang bersamaan 6.5% mendapat gred C+, dan seramai 4 orang bersamaan 2% mendapat gred C.

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS menawarkan kursus bahasa Arab sebagai salah satu bahasa asing juga sebagai kursus elektif dan terbuka kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa dan agama untuk mempelajarinya. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar adalah sederhana. Antara faktor yang mempengaruhi tahap literasi ini adalah latar belakang pelajar. Sebahagian pelajar memiliki latar belakang dan asas dalam mata pelajaran ini manakala sebahagiannya pula adalah sebaliknya. Ini menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar juga berbeza.

Daripada hasil kajian, dapat dijelaskan bahawa antara masalah yang sering timbul dan dianggap sukar oleh para pelajar adalah pada bahagian kefahaman dan tatabahasa. Pelajar menghadapi masalah untuk memahami teks bahasa Arab dengan sepenuhnya. Perkara ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Saini Ag. Damit dan Mohammad Seman (2010) yang mendapati kebanyakan pelajar menyatakan kesukaran dalam mempelajari tatabahasa Arab.

Dapatkan ini juga sama dengan daptan dalam kajian Azman Che Mat dan Goh Ying Soon (2010) yang mana menyatakan bahawa masalah nahu atau tatabahasa adalah masalah yang selalu dihadapi pelajar bahasa Arab.

Oleh yang demikian, pengajar bahasa Arab harus memainkan peranan mereka sebaiknya untuk meningkatkan kecekapan dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Guru haruslah menyampaikan pelajaran dengan bahasa yang mudah difahami, tepat dan menggunakan gaya dan laras yang betul. Dalam melaksanakan proses pengajaran, guru haruslah mengambil kira kepelbagaiannya latar belakang dan tahap penguasaan pelajar. Guru juga hendaklah sentiasa memberi dorongan dan semangat kepada pelajar terutamanya kepada mereka yang tidak pernah belajar bahasa Arab. Teknik dan kaedah pengajaran yang sesuai dan menarik perlu dilaksanakan bagi menjamin keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

SIKAP PELAJAR BAGI BAHASA ARAB

Terdapat 31 item yang digunakan untuk mengukur sikap pelajar bagi bahasa Arab. Hasil analisis bagi item-item tersebut dipersembahkan dalam jadual 1 berikut.

Jadual 1 : Hasil analisis bagi item sikap pelajar bagi bahasa Arab.

Bil.	Item	No	Min	Sisihan Piawai
1	Saya suka mempelajari bahasa Arab.	200	4.37	0.69
2	Saya fikir, bahasa Arab adalah bahasa yang mudah.	200	3.12	1.03
3	Pada pendapat saya, bahasa Arab adalah satu mata pelajaran yang tidak membosankan.	200	4.03	0.92
4	Saya suka membuat latihan bahasa Arab.	200	3.71	0.89
5	Saya memberikan tumpuan sepenuhnya ketika belajar di dalam kelas.	200	3.83	0.80
6	Saya melakukan perbualan pendek dengan kawan-kawan dalam bahasa Arab.	200	3.05	1.05
7	Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai bahasa Arab.	200	4.02	0.71
8	Saya suka membaca buku teks bahasa Arab.	200	3.36	0.86
9	Saya suka membaca buku cerita bahasa Arab.	200	2.96	0.99
10	Saya menghafal beberapa perkataan bahasa Arab setiap hari.	200	3.00	1.00
11	Saya akan menyiapkan kerja rumah mata pelajaran bahasa Arab.	200	3.65	0.92
12	Saya mengambil mata pelajaran bahasa Arab	200	3.84	1.36

	kerana saya tidak ada pilihan.			
13	Saya sedar kemahiran berbahasa Arab adalah penting.	200	4.29	0.82
14	Saya berasa gembira mengikuti aktiviti bahasa Arab.	200	4.20	0.73
15	Saya tekun membuat latihan-latihan bahasa Arab walaupun tidak diminta oleh guru.	200	2.90	0.97
16	Saya akan menggunakan kamus untuk mencari makna perkataan yang tidak difahami.	200	3.78	1.00
17	Saya sering bertanya kepada rakan dan guru untuk mendapat maklumat yang lebih jelas.	200	3.78	0.90
18	Saya akan berasa kesal (biarpun sehari) jika saya tidak menghadiri kelas bahasa Arab.	200	3.77	1.04
19	Saya memperuntukkan tempoh masa tertentu dalam sehari untuk mempelajari dan mempraktikkan bahasa Arab.	200	3.04	0.99
20	Saya menggunakan bahasa Arab bila bertemu dengan guru bahasa Arab.	200	2.64	1.06
21	Saya berasa risau jika tidak memahami pelajaran selepas tamat kelas bahasa Arab.	200	4.12	0.90
22	Saya mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti kelas bahasa Arab.	200	3.56	0.88
23	Saya seronok jika dapat mempraktikkan bahasa Arab dengan rakan-rakan.	200	4.05	0.84
24	Saya tidak malu dengan kesalahan yang berlaku semasa mempraktikkan bahasa Arab.	200	3.96	0.87
25	Saya lebih berusaha sendiri untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab.	200	3.71	0.92
26	Saya merancang strategi belajar untuk mencapai matlamat pembelajaran.	200	3.55	0.93
27	Apabila menghadapi masalah mempelajari bahasa Arab, saya akan berusaha menyelesaikannya.	200	3.87	0.80
28	Saya mengakses internet untuk mendapatkan maklumat tambahan dan mengukuhkan penguasaan bahasa Arab saya.	200	3.85	0.98
29	Saya boleh mengaplikasikan bahasa Arab dalam kehidupan harian tanpa didorong oleh orang lain.	200	2.95	1.08
30	Bahasa Arab membantu mengembangkan kemampuan diri saya.	200	4.04	0.83
31	Bahasa Arab memberi manfaat kepada saya.	200	4.46	0.68

Berdasarkan analisis min bagi item-item variabel sikap pelajar bagi bahasa Arab dalam kajian ini, item yang menunjukkan bacaan min paling rendah ialah menggunakan bahasa Arab bila bertemu guru bahasa Arab, dan juga item boleh mengaplikasikan bahasa Arab dalam kehidupan sehari-hari tanpa didorong oleh orang lain. Dapatkan ini menunjukkan pelajar kurang mempraktikkan bahasa Arab dan hanya menggunakan apabila berada di dalam kelas sahaja. Menurut Nik Rahimi (1998), kemerosotan dan kemunduran mata pelajaran bahasa Arab adalah disebabkan pelajar kurang mengaplikasikan dan mempraktikkan bahasa Arab. Selain itu, persekitaran dan suasana serta budaya penggunaan bahasa yang terbatas juga menjadi penyebab utama. Hal ini menjelaskan bahawa motivasi dan semangat belajar dalam kalangan pelajar adalah rendah dan kurang memberangsangkan. Oleh yang demikian, persekitaran bahasa Arab hendaklah sentiasa dihidupkan dengan mempraktikkan bahasa tersebut walau di mana sahaja.

Adapun item yang mendapat min sederhana tinggi ialah saya lebih berusaha sendiri untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Dapatkan ini menggambarkan semangat dan motivasi pelajar untuk menguasai bahasa Arab dan mencapai kecemerlangan. Hal ini disokong oleh Siti Sukainah dan Melor (2014) yang menyatakan bahawa antara elemen utama yang menjadi penentu dan penyebab kejayaan dan keberhasilan pelajar bahasa Arab ialah semangat, motivasi, minat, sikap dan usaha gigih dalam menguasai bahasa tersebut.

Manakala, item variabel sikap yang menunjukkan bacaan min yang paling tinggi ialah bahasa Arab memberi manfaat kepada saya, dan item saya sedar kemahiran berbahasa Arab adalah penting. Pelajar memandang bahasa Arab sebagai satu mata pelajaran yang penting dan bermanfaat untuk dipelajari.

Daripada hasil analisis yang telah dilakukan, dapat dirumuskan bahawa pelajar menunjukkan sikap yang positif dalam menguasai bahasa Arab. Hasil dapatkan kajian ini menunjukkan bacaan min bagi sikap pelajar ini adalah pada bacaan yang tinggi.

Sebagai kesimpulan, guru bahasa Arab perlu bertindak dan mengambil beberapa langkah untuk mengekalkan sikap positif pelajar seperti memupuk semangat dalam diri pelajar, menambah perbendaharaan kata bahasa Arab, menggalakkan penglibatan pelajar di dalam kelas dan aktiviti bahasa Arab bagi meningkatkan kecekapan berbahasa Arab, menggunakan dan mempraktikkan bahasa Arab tanpa mengira tempat dan masa, serta sentiasa bersedia memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan. Oleh yang demikian, guru hendaklah bijak dan bertanggungjawab untuk memahami sikap pelajar sekali gus berusaha meningkatkan keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran. Segala dapatkan dan maklumat kajian ini adalah berguna kepada guru dalam merancang

teknik dan pendekatan pengajaran, membentuk sahsiah pelajar ke arah yang lebih baik, di samping meningkatkan kecemerlangan pencapaian bahasa Arab.

PERSEPSI PELAJAR BAGI PENGAJARAN GURU DALAM MEMPELAJARI BAHASA ARAB

Terdapat 35 item yang digunakan untuk melihat persepsi pelajar bagi pengajaran guru bahasa Arab. Hasil analisis bagi item-item tersebut dipersembahkan dalam jadual 2 berikut.

Jadual 2: Hasil analisis bagi item persepsi pelajar bagi pengajaran guru bahasa Arab.

Bil	Item	No	Min	Sisihan Piawai
1	Guru memulakan pengajaran dengan permulaan yang baik (melaksanakan set induksi).	200	4.30	0.71
2	Guru menghubungkaitkan isi pelajaran terdahulu dengan isi pelajaran semasa.	200	4.25	0.72
3	Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada pelajar ketika membuat penerangan.	200	4.21	0.75
4	Guru mengambil kira kepelbagaian tahap pelajar semasa pengajaran.	200	4.17	0.85
5	Guru menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai dalam pengajaran.	200	4.17	0.72
6	Guru mewujudkan motivasi pelajar semasa mengajar.	200	4.12	0.76
7	Guru menarik minat pelajar.	200	4.21	0.81
8	Guru mengembangkan isi-isi penting secara teratur.	200	4.19	0.74
9	Guru menggunakan bahasa yang jelas semasa menyampaikan sesuatu isi pelajaran.	200	4.22	0.69
10	Guru memberikan isyarat apabila ingin beralih kepada tajuk yang lain semasa pengajaran.	200	4.14	0.78
11	Guru mengulang isi penting pelajaran semasa mengajar.	200	4.18	0.72
12	Guru mengemukakan pelbagai soalan daripada mudah kepada sukar.	200	4.01	0.76
13	Guru memberikan masa berfikir (wait time) sekurang-kurangnya 3 saat selepas menanyakan soalan.	200	3.97	0.82

14	Guru membimbang pelajar memberikan jawapan yang betul apabila jawapan pelajar tidak tepat.	200	4.28	0.75
15	Guru memberi pujian kepada pelajar selepas menjawab soalan.	200	4.21	0.74
16	Guru menggunakan gerak isyarat positif seperti ‘senyuman’ atau ‘anggukan kepala’.	200	4.25	0.74
17	Guru menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar selain buku teks.	200	3.94	0.83
18	Guru mempelbagaikan nada suara semasa pengajaran.	200	4.10	0.82
19	Guru menggunakan pergerakan anggota tubuh semasa pengajaran.	200	4.02	0.84
20	Guru menggalakkan penglibatan pelajar semasa pengajaran.	200	4.11	0.74
21	Guru menggalakkan interaksi pelajar semasa pengajaran.	200	4.15	0.74
22	Guru mempunyai waktu untuk memberi tumpuan kepada pelajar yang lemah.	200	3.94	0.85
23	Guru menggalakkan pelajar mempraktikkan pembelajaran dalam kehidupan seharian.	200	4.09	0.77
24	Guru menyampaikan pengajaran dengan menarik.	200	4.13	0.80
25	Guru membahagikan pelajar mengikut kumpulan kecil untuk aktiviti pembelajaran.	200	3.99	0.88
26	Guru memberikan maklum balas secara berterusan semasa pengajaran.	200	4.16	0.71
27	Guru menggalakkan pelajar membuat refleksi selepas pengajaran.	200	4.06	0.73
28	Guru membantu pelajar merumuskan isi pelajaran penting sebelum tamat pengajaran.	200	4.05	0.73
29	Guru menggunakan pelbagai alat penilaian seperti ujian lisan, ujian bertulis dan lain-lain.	200	4.10	0.81
30	Guru membuat rumusan di akhir sesi pengajaran.	200	4.16	0.78
31	Guru menunjukkan kesediaan untuk bertemu dengan pelajar di luar bilik darjah.	200	3.79	0.89
32	Guru bersedia memberikan pengajaran	200	3.72	0.85

	tidak formal di luar bilik darjah.			
33	Guru memberi bimbingan yang berterusan walaupun di luar bilik darjah.	200	3.70	0.86
34	Guru memberikan pengetahuan baru berbanding yang telah disampaikan di dalam kelas.	200	3.90	0.75
35	Guru boleh berbincang secara terbuka.	200	4.14	0.75

Secara umumnya, dapatan kajian memperjelaskan bahawa pandangan pelajar bagi pengajaran guru dalam mempelajari bahasa Arab adalah positif dan mereka dapat menerima pengajaran dengan baik dan berkesan. Pelajar mendapati guru bahasa Arab dapat menyampaikan isi-isi pelajaran melalui strategi tertentu, manakala pelajar dapat menerima pengetahuan secara bermakna. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bacaan min bagi persepsi pelajar bagi pengajaran guru bahasa Arab adalah tinggi.

Berdasarkan analisis min bagi item-item variabel persepsi pelajar bagi pengajaran guru bahasa Arab ini, didapati item yang menunjukkan bacaan min yang paling tinggi ialah guru memulakan pengajaran dengan permulaan yang baik (melaksanakan set induksi), dan guru mengambil kira kepelbagaian tahap pelajar semasa pengajaran. Adapun item variabel pengajaran guru yang menunjukkan min yang sederhana tinggi ialah guru mempelbagaikan nada suara semasa pengajaran dan guru menggunakan pergerakan anggota tubuh semasa pengajaran. Manakala guru memberi bimbingan yang berterusan walaupun di luar bilik darjah dan guru bersedia memberikan pengajaran tidak formal di luar bilik darjah pula merupakan item variabel persepsi pelajar bagi pengajaran guru bahasa Arab yang memberikan bacaan min yang paling rendah. Guru hendaklah memastikan proses pengajaran adalah berterusan, iaitu tidak berakhir di dalam bilik darjah sahaja malah bimbingan dan tunjuk ajar diberikan biarpun di luar bilik darjah.

Dapat disimpulkan bahawa, dapatan kajian menggambarkan pelajar berpuas hati dengan keupayaan dan kualiti tenaga pengajar di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS. Dengan demikian, guru seharusnya merancang strategi mengajar dengan lebih baik dan mantap agar dapat memperoleh keberhasilan dan kejayaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Menurut Ismail (2012), seseorang guru hendaklah merancang strategi pengajaran mereka. Strategi pengajaran ini meliputi pemilihan teknik dan kaedah serta pelaksanaan aktiviti yang menarik dalam pengajaran supaya objektif pembelajaran dapat dicapai dengan berkesan. Selain itu, guru-guru hendaklah lebih kreatif, inovatif dan bijak menangani sebarang permasalahan yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab agar penguasaan dan kecemerlangan bahasa Arab pelajar dapat ditambah baik.

HUBUNGAN ANTARA SIKAP PELAJAR DENGAN PENGUASAAN BAHASA ARAB

Ujian yang telah dijalankan menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab. Korelasi ini bernilai [$r=0.58$, $p<0.01$]. Keputusan analisis hubungan ini boleh dirujuk pada jadual 3.

Jadual 3: Hubungan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab

Variabel	Penguasaan Bahasa Arab (N=200)
Sikap pelajar	Pearson r 0.58 Sig. p 0.01

Dapatan analisis yang mengguna pakai analisis korelasi ini membuktikan dengan jelas bahawa sikap pelajar mempunyai hubungan yang kuat dengan penguasaan bahasa Arab.

HUBUNGAN ANTARA PENGAJARAN GURU DENGAN PENGUASAAN BAHASA ARAB

Ujian yang telah dijalankan menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar bagi pengajaran guru dengan penguasaan bahasa Arab pelajar. Korelasi ini bernilai [$r=0.69$, $p<0.01$]. Keputusan analisis hubungan ini boleh dirujuk pada jadual 4.

Jadual 4: Hubungan antara pengajaran guru dengan penguasaan bahasa Arab

Variabel	Penguasaan Bahasa Arab (N=200)
Pengajaran guru	Pearson r 0.69 Sig. p 0.01

Dapatan analisis yang mengguna pakai analisis korelasi ini jelas menunjukkan terdapatnya perkaitan atau hubungan yang kuat antara pengajaran guru bahasa Arab dengan penguasaan bahasa Arab.

PENGARUH SIKAP PELAJAR DAN PENGAJARAN GURU TERHADAP PENGUASAAN BAHASA ARAB

Untuk melihat pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab, analisis Regresi Berganda telah dijalankan. Keputusan analisis

menunjukkan kedua-dua variabel sikap dan pengajaran guru ini menyumbang secara signifikan terhadap literasi bahasa Arab. Berdasarkan nilai beta (β), keputusan kajian membuktikan sumbangan signifikan bagi sikap pelajar adalah ($\beta=0.345$, $t=6.740$, $p=0.000$). Manakala keputusan kajian membuktikan sumbangan signifikan bagi pengajaran guru adalah ($\beta=0.545$, $t=10.63$, $p=0.000$). Keputusan analisis pengaruh ini boleh dirujuk pada jadual 5.

Jadual 5: Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab

Variabel	B	t	P
Sikap Pelajar	0.345	6.740	0.001
Pengajaran Guru	0.545	10.63	0.001

Jadual 7 Pseudo R-Square berikut pula menunjukkan sebanyak mana varian atau perubahan pembolehubah bersandar disebabkan oleh pembolehubah bebas iaitu sikap pelajar dan pengajaran guru. Hasil ujian menunjukkan bahawa korelasi antara variabel bersandar iaitu penguasaan bahasa Arab dan kombinasi linear antara kedua-dua variabel bebas iaitu sikap pelajar dan persepsi pelajar bagi pengajaran guru ialah pada nilai 0.760. Nilai R^2 yang bersamaan dengan 0.578 menunjukkan bahawa 57.8% perubahan dalam variabel bersandar adalah disebabkan oleh kedua-dua variabel bebas yang dinyatakan. Ini bermaksud kedua-dua variabel bebas memberi pengaruh terhadap penguasaan bahasa Arab.

Perubahan dalam penguasaan bahasa Arab yang disebabkan pengaruh pengajaran guru menunjukkan bacaan sebanyak 48.1%, dan perubahan yang disebabkan oleh faktor sikap pula adalah sebanyak 8.1%. Dapat disimpulkan bahawa pengajaran guru memberikan pengaruh yang lebih besar berbanding sikap pelajar. Manakala, sebanyak 42.2% perubahan dalam variabel bersandar berkemungkinan dipengaruhi oleh variabel-variabel lain yang tidak dapat dijangkakan dan tidak dikaji dalam kajian ini.

Jadual 6: Keputusan Ujian Pseudo R-Square

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	0.693	0.481	0.478	6.482
2	0.760	0.578	0.574	5.858

Secara umumnya, analisis regresi berganda ini menunjukkan bahawa varian atau perubahan dalam penguasaan bahasa Arab adalah disebabkan oleh kedua-dua variabel bebas yang dinyatakan iaitu sikap pelajar bagi bahasa Arab dan pengajaran guru bahasa Arab. Akan tetapi, perubahan yang disebabkan pengajaran guru adalah lebih besar berbanding perubahan yang disebabkan oleh

sikap pelajar. Dapat disimpulkan bahawa pengajaran guru memberi pengaruh yang lebih besar dalam penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

PERBINCANGAN

Sesungguhnya kajian ini mempunyai implikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kajian yang dijalankan menunjukkan sikap pelajar mempunyai perkaitan dengan tahap penguasaan bahasa Arab. Sikap seseorang pelajar dalam pembelajaran akan menentukan kejayaan dan pencapaiannya. Hal ini selaras dengan dapatan Zamri Ariffin *et al.* (2014) yang menegaskan bahawa kegagalan dan kemerosotan dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia adalah disebabkan oleh faktor sikap. Sikap yang positif akan membawa kepada satu tindakan yang positif dan begitulah sebaliknya. Justeru, seseorang pelajar mestilah mempunyai sikap yang positif kerana sikap inilah yang akan menentukan cara pembelajaran terhadap sesuatu mata pelajaran yang dipelajarinya. Dengan erti kata yang lain, segala tingkah laku yang berhasil adalah dibentuk melalui sikap. Seseorang boleh bertingkah laku dengan pelbagai cara dan boleh mengalami pelbagai perubahan. Menurut Lee (1991), kesediaan belajar dan kejayaan pelajar banyak dipengaruhi oleh sikap pelajar di dalam pembelajarannya. Sekiranya seseorang pelajar itu mempunyai minat yang mendalam dalam bidang yang diceburinya, maka dia akan menunjukkan sikap yang positif seterusnya akan mencapai keberhasilan.

Oleh yang demikian, pelajar mestilah sentiasa mempunyai sikap yang terpuji dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kebolehan dan kemampuan diri dalam pembelajaran bahasa Arab. Sikap malas dan acuh tidak acuh terhadap pembelajaran adalah penyebab utama kemerosotan dalam pencapaian bahasa Arab. Selain itu, guru juga seharusnya berupaya memahami dan membentuk sikap pelajar agar keunggulan pembelajaran bahasa Arab dapat dicapai.

Kajian yang dijalankan juga menunjukkan amalan pengajaran guru bahasa Arab adalah baik dan memuaskan. Namun demikian, strategi dan kaedah pengajaran hendaklah diperkuuh dan dimantapkan lagi seiring dengan perkembangan dan pertumbuhan bahasa Arab masa kini. Pengajar bahasa Arab haruslah bersikap kreatif dan inovatif dalam menciptakan satu persekitaran pembelajaran yang ceria dan efektif. Perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah sesuatu kaedah yang dipilih itu haruslah mengambil kira peringkat kebolehan pelajar, objektif pengajaran yang dirancang serta kemudahan atau alat-alat bantu (Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib, 1995). Keberkesaan dalam pembelajaran juga akan terhasil sekiranya pelaksanaan pengajaran dirancang dengan kemas dan rapi. Strategi yang mantap dapat membantu untuk mengembangkan potensi pelajar dalam meningkatkan keterampilan dan kecekapan bahasa Arab.

Penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah penting bagi memastikan objektif pembelajaran adalah tercapai. Kemahiran guru dalam mengendalikan proses pengajaran merupakan antara faktor terpenting dalam mencapai sesuatu objektif pengajaran yang telah dirancang. Penambahbaikan dalam kurikulum bahasa Arab juga harus dilakukan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Penambahbaikan ini merupakan satu langkah untuk memartabatkan bahasa Arab. Dengan adanya penambahbaikan ini, kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar dapat dikesan dan jalan penyelesaian yang terbaik dapat dilaksanakan.

KESIMPULAN

Dalam memperkasakan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar, satu usaha dan langkah perlu difikirkan dalam menghasilkan pendidikan yang mempunyai kualiti yang tinggi. Perkara ini dapat direalisasikan dengan pelaksanaan pengajaran bahasa Arab yang mantap dan cemerlang. Dapat dilihat secara jelas bahawa aspek pengajaran berperanan besar dalam menjana kejayaan pembelajaran bahasa Arab. Justeru, tenaga pengajar perlu memainkan peranan mereka untuk menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Kualiti pengajaran mampu dihasilkan sekiranya guru bijak dalam memahami dan mengubah sikap pelajar kepada yang lebih baik. Selain itu, pengetahuan luas dan aplikasi ilmu pedagogi akan menjamin kegemilangan proses pembelajaran bahasa Arab.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Muqsith Ahmad (2013) *Faktor yang Mempengaruhi Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lepasan Diploma Politeknik dan Matrikulasi terhadap Subjek Kejuruteraan*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Ismail Mohammad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat (2013) *Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF*. GEMA Online® Journal of Language Studies. Vol. 13 (2)
- Ismail Suardi Wekke (2012) *Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Pesantren Immim Makassar, Indonesia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail & Md Noor Hussin (2012) *Pengaruh Faktor Dalaman Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar*

Pengaruh Sikap Pelajar Dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS.
Noorafini Kassim, Dr. Saini Ag. Damit & Dr. Muhammad Suhaimi Taat

Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) Mengikut Pandangan Para Pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia.
Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa.

Mahzan Arshad (2012) *Pendidikan Literasi Awal Kanak-Kanak: Teori dan Amali.* Tanjung Malim: Pejabat Karang Mengarang, UPSI.

Mohd. Fadzli Ismail dan Mohd Sukki Othman (2012) *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan di Smap Kajang.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad Ziyad Mokhtar dan Izuddin Muhammed (2012) *Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar PPISMP Gsst- Pai: Satu Kajian Kes.* Sabah: Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau.

Nazirah Supian. 2014. *Keperluan Program Persediaan Penempatan Guru Teknikal di Kawasan Pedalaman.* Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Noriati, A.R., Boon, P.Y. & Sharifah Fakriah (2012) *Murid dan Alam Belajar.* Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.

Saini Ag. Damit & Mohammad Seman (2010) *Persepsi Pelajar Bukan Islam Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Kajian di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.* Kota Kinabalu :Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Siti Hamin Stapa, Nadzrah Abu Bakar & Rozmel Abdul Latiff (2007) *Literasi Penulisan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar Luar Bandar: Implikasi Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus (2014) Attitudes and Motivation Towards Learning English Among Felda School Students. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences.* Vol 8 (5). 1-8.